



Referral Rewards Program (RRP): Easy To Win Extra Bonus

## **TEMPOH KEMPEN**

"Easy To Win Extra Bonus" ("Kempen") Hong Leong Bank Berhad ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") (secara kolektif dirujuk sebagai "Bank") bermula pada 1hb Disember 2017 dan berakhir pada 28hb Februari 2018, kedua-dua tarikh termasuk ("Tempoh Kempen"), kecuali dinyatakan sebaliknya.

Terma & Syarat

Terma dan syarat yang digariskan berikut terpakai untuk Kempen ("T&C"):-

## **KELAYAKAN**

- 1. Kempen ini terbuka kepada semua Ejen Hartanah/perunding /jurujual baru dan sedia ada yang mendaftar di bawah Program Ganjaran Rujukan Pembiayaan Hartanah HLB ("RRP") semasa Tempoh Kempen ("Peserta").
- 2. Peserta, Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah klausa 4 di sini) dan/atau Pemenang (seperti yang ditakrifkan di bawah klausa 9 di sini) yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (tertakluk kepada petisyen sama ada oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen TIDAK layak untuk menyertai Kempen dan/atau menerima Hadiah.
- 3. Sebarang perubahan kelayakan untuk menyertai Kempen ini akan dimaklumkan melalui laman web HLB di www.hlb.com.my ( "Laman Web Bank") atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank.

## TATA CARA KEMPEN DAN HADIAH

- 4. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta dikehendaki memenuhi syarat/kriteria untuk Rujukan Berjaya seperti yang dinyatakan dalam klausa 5 di bawah dan Peserta yang memenuhi kelayakan tersebut hendaklah dirujuk sebagai "Peserta Layak".
- 5. Rujukan Berjaya merujuk kepada syarat berikut dipenuhi sepanjang Tempoh Kempen:
  - yang permohonan pelanggan bagi mana-mana Pembiayaan Terlibat (seperti yang (i) ditakrifkan di bawah Klausa 6 di sini) harus diluluskan oleh Bank;

- yang tujuan Pembiayaan Terlibat adalah untuk membiayai pembelian hartanah (ii) kediaman dan/atau komersial yang telah siap;
- yang nilai minimum hartanah tersebut sama ada kediaman atau komersial haruslah (iii) Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000.00) dan jumlah pembiayaan minimum bagi setiap Pembiayaan Terlibat haruslah Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000.00); dan
- yang Surat Tawaran yang dikeluarkan oleh Bank haruslah diterima oleh pelanggan (iv) semasa Tempoh Kempen.
- 6. Pembiayaan Terlibat untuk Kempen ini adalah seperti berikut:-
  - (i) Pinjaman Perumahan/Kedai Hong Leong;
  - (ii) Pinjaman Perumahan/Kedai MortgagePlus Hong Leong;
  - (iii) Pembiayaan Hartanah-i CM Fleksi Hong Leong;
  - (iv) Skim Rumah Pertamaku;
  - (v) Pinjaman Perumahan Khas;
  - (vi) Pinjaman Perumahan/Kedai Cawangan Perniagaan Hong Leong
- 7. Kempen ini TIDAK sah untuk rujukan mana-mana Pembiayaan Terlibat bagi untuk tujuan pembiayaan semula dan juga untuk pembiayaan pembelian hartanah kediaman dan komersil dalam pembinaan.
- 8. Kriteria untuk memenangi Kempen ini akan dikira berdasarkan jumlah pembiayaan terkumpul semua Rujukan Berjaya diperolehi dan diluluskan oleh Bank semasa Tempoh Kempen ( "Rujukan Berjaya Terkumpul") oleh setiap Peserta Layak, untuk menentukan Hadiah yang dimenangi oleh Peserta Layak.
- 9. Peserta Layak yang membuat Rujukan Berjaya Terkumpul dalam Ambang Terkumpul seperti dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen akan layak untuk hadiah berkaitan berikut ( "Hadiah") mengikut cara yang berikut (" Pemenang "): -

Ambang Terkumpul	Hadiah
(RM)	
≥16,000,000	Baucar Tunai Bank Simpanan Nasional ("BSN") bernilai RM3000
15,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM2500
14,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM2400
13,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM2300
12,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM2200
11,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM2100
10,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM1000
9,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM900
8,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM800
7,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM700

6,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM600	
5,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM500	
4,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM400	
3,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM300	
2,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM200	
1,000,000	Baucar Tunai BSN bernilai RM100	

- 10. Peserta Layak haruslah mencapai Ambang Terkumpul minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) pada akhir Tempoh Kempen dan setiap Peserta Layak hanya berhak memenangi satu (1) Hadiah di bawah Kempen ini.
- 11. Jumlah Hadiah dihadkan sehingga Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) dan terhad atas berdasarkan siapa cepat, dia dapat.
- 12. Bank akan memantau Rujukan Berjaya Terkumpul berdasarkan transaksi yang dicatatkan dan ditunjukkan dalam sistem Bank. Cara dan kaedah di mana memantau Bank dan mengenal pasti setiap Rujukan Berjaya untuk menentukan Rujukan Berjaya Terkumpul TIDAK boleh dipersoalkan oleh Peserta Layak dan semua keputusan yang dibuat oleh Bank selaras dengan sistem pengesanan ini adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 13. Peserta Layak perlu memastikan bahawa akaun pembiayaan pelanggan mereka kekal aktif dan tidak ditamatkan atau ingkar sepanjang Tempoh Kempen, jika tidak jumlah pembiayaan akaun yang tidak aktif dan ditamatkan Rujukan Berjaya tersebut hendaklah ditolak daripada Rujukan Berjaya Terkumpul pada akhir Tempoh Kempen.
- 14. Pemenang akan dimaklumkan oleh Bank sama ada secara bertulis atau melalui panggilan telefon tidak lewat daripada 31 March 2018 ("Pemberitahuan"). Peserta Layak yang tidak menerima Pemberitahuan pada 15 April 2018 adalah dianggap sebagai BUKAN Pemenang.
- 15. Pemenang haruslah bertanggungjawab untuk mengambil Hadiah tidak lewat daripada 15 April 2018, jika tidak Hadiah tersebut akan terbatal dengan sewajarnya. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa Hadiah yang tidak dituntut atau apa-apa kelewatan oleh Pemenang dalam menuntut Hadiah.
- 16. Pemenang mungkin diminta untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah, yang tarikh, masa dan tempat, akan dimaklumkan oleh Bank. Semua kos pengangkutan, penginapan, perbelanjaan peribadi dan apa-apa kos lain yang ditanggung berhubung dengan menghadiri majlis penyampaian hadiah itu hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

17. Bank berhak untuk mengubah atau menggantikan Hadiah di bawah Kempen ini dengan produkproduk lain yang sama nilainya bagi apa-apa jua sebab sebagaimana Bank fikirkan patut mengikut budi bicara mutlaknya, melalui notis terlebih dahulu kepada Peserta Layak dengan cara menyiarkannya dalam laman web Bank atau dalam apa-apa cara lain yang HLB anggap praktikal.

## <u>AM</u>

- 18. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak:
  - (a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&C Kempen ini, terma dan syarat Program Ganjaran Rujukan yang terdapat di <a href="https://www.hlb.com.my/rrpeasy">www.hlb.com.my/rrpeasy</a> dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa;
  - (b) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dan/atau HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&C dan untuk memastikan supaya mendapat maklumat terkini tentang perubahan atau pindaan kepada T&C;
  - (c) bersetuju dengan penerbitan atau paparan gambar, nama, nombor kad pengenalan (dalam bentuk terlindung) atau foto di media, bahan pemasaran atau pengiklanan atau Laman Web HLB/HLISB untuk tujuan Kempen ini (jika ada);
  - (d) keputusan HLB/HLISB ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen dan Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Peserta Layak dan sebarang suratmenyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB/HLISB tidak akan dilayan; dan
  - (e) bersetuju untuk bertanggungjawab bagi semua cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berhubung dengan menerima Hadiah.
- 19. Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan cetak dan/atau Laman Web Bank adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditunjukkan bersama-sama dengan Hadiah dalam sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan bergambar untuk tujuan hiasan sahaja dan bukan membentuk sebahagian daripada Hadiah.
- 20. Bank tidak memberi representasi ataupun jaminan berhubung dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang kehilangan, kerosakan, kecurian atau sebaliknya. Sebarang aduan atau pertikaian mengenai Hadiah tersebut hendaklah diselesaikan secara terus antara Pemenang dan Bank Simpanan Nasional tanpa meminta bantuan kepada Bank.
- 21. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (3) dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit, cek atau seumpamanya.
- 22. Bank berhak untuk:





- membatalkan mana-mana Peserta/Peserta Layak bagi apa-apa sebab sekalipun yang Bank mengikut budi bicara mutlaknya menganggap sesuai untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan/atau layak untuk memenangi Hadiah; dan
- (ii) menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&C yang terkandung di sini, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, atas budi bicara Bank dengan cara mempamerkannya di Laman Web Bank, atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.
- 23. Peserta, Peserta Layak dan/atau Pemenang bersetuju bahawa T&C yang terkandung di sini, terma dan syarat Program Ganjaran Rujukan, terma dan syarat Pembiayaan Terlibat dan manamana terma dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Bank hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&C yang terkandung di sini sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&C yang terkandung di sini dan terma dan syarat Program Ganjaran Rujukan, terma dan syarat Pembiayaan Terlibat dan mana-mana terma dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Bank, T&C khusus yang terkandung di sini hendaklah mengatasi setakat percanggahan tersebut.
- 24. T&C yang terkandung di sini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undangundang Malaysia dan Peserta Layak dan/atau Pemenang bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.